

60% kontrak kerajaan untuk usahawan bumiputera

UM 3 1 OCT 2003

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kuota 60 peratus daripada kerja-kerja kontrak dan pemerolehan kerajaan terpaksa diperuntukkan kepada usahawan bumiputera bagi memastikan mereka dapat terus mencari rezeki.

Perdana Menteri berkata, walaupun tidak suka melihat usahawan bumiputera bergantung kepada kerajaan, langkah itu terpaksa diambil kerana mereka masih gagal untuk mendapatkan kontrak daripada pihak swasta.

“Kita bukannya melangkah ke belakang, tetapi kalau kita tidak ada kuota, bumiputera tidak dapat apa-apa langsung.

“Saya lihat bumiputera hanya dapat kontrak daripada kerajaan, mereka takut untuk mendapatkan kontrak daripada sektor swasta, mungkin kerana anggap tak akan berjaya.

“Mereka terpaksa bergantung kepada kerajaan. Kita tidak suka tetapi kalau kerajaan tidak berikan mereka kontrak, mereka tidak akan ada kerja langsung,” tegas Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan Rakyat, hari ini.

Perdana Menteri mengulas mengenai pemberian

sekarang-kurangnya 60 peratus kerja pemerolehan dan kontrak dalam projek-projek kerajaan kepada usahawan bumiputera yang bertanggungjawab, cekap dan berkebolehan.

Menurut Dr. Mahathir, sehingga kini sudah banyak kontrak diberikan kepada usahawan bumiputera tetapi malangnya ia telah disalah guna.

“Ada juga, banyak yang kita dah bagi malangnya diberikan kepada orang lain.

“Saya tak ingatlah peratusannya tetapi dia jual kepada orang lain, ada yang minta duit dulu, ada yang tidak buat kerja, ini yang jadi masalah,” ujarnya.

Menjual

Perdana Menteri berkata, sekiranya para usahawan bumiputera itu menjual kontrak yang mereka peroleh, kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka dengan menyenarai hitamkan orang berkenaan.

“Jika mereka jual lagi, kita tidak akan beri lagi kepada mereka, kita kena berkeras dalam hal ini,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bagaimanapun akan amat selektif dengan memberikan kontrak kepada mereka yang cekap dan berwibawa sahaja.

“Dulu orang minta kita

beri kepada semua, jadi kita beri kepada semua orang termasuk yang tidak cekap dan akhirnya mereka merosakkan segalanya.

“Kalau kita hendak kualiti, kena terimalah bahawa jumlahnya tidak ramai, dulu kalau nak beri kepada semua orang, tanpa mereka sama ada mereka cekap atau tidak maka lebih banyak lah yang gagal.

“Sekarang, kita kena mula balik dan buat penilaian untuk berikan kepada mereka yang cekap sahaja,” ujar beliau.

Mengenai pencapaian bumiputera, Dr. Mahathir berkata, beliau masih tidak berpuas hati kerana sasaran Dasar Ekonomi Baru supaya 30 peratus ekonomi Malaysia dipegang oleh bumiputera belum tercapai.

“Saya tidak puas hati, sepatutnya 30 peratus dicapai pada 1990, tetapi sehingga kini baru 19 peratus.

“Walaupun dari segi jumlah ia agak besar, iaitu meningkat kira-kira 400 kali, orang lain juga bertambah.

“Dari segi peratusan, ia bukannya pertumbuhan yang kita mahu,” tegasnya.

Katanya, kerajaan perlu bimbang dengan perkara itu kerana ia boleh menyebabkan rasa tidak puas hati antara kaum.